

Pemulihan Murid Sekolah Rendah dalam Celik al-Qur'an dengan Menggunakan Kaedah IFTaR

(Remedial Basic al-Qur'an Literacy for Primary School Students Using the IFTaR Method)

ROSNANI HASHIM, AISHAH HANIM ABD KARIM* & MOHAMMAD KHIDIR NGAH

ABSTRAK

Al-Qur'an mengandungi petunjuk bagi kehidupan Muslim maka oleh itu celik *al-Qur'an* adalah wajib bagi mereka. Dalam konteks Malaysia, terdapat tiga kaedah utama yang digunakan untuk mempelajari membaca *al-Qur'an* iaitu kaedah Muqaddam, kaedah Qiraati, dan kaedah Iqra' (KPM). Kajian kepustakaan daripada perspektif guru Pendidikan Islam, mendapati ramai murid sekolah rendah dan menengah masih belum menguasai bacaan *al-Qur'an*. Murid menghadapi masalah di peringkat asas sebelum tajwid. Kajian tentang bacaan *al-Qur'an* yang dilakukan jarang meneliti punca masalah, terutama dari sudut teori pembelajaran dan ilmu pedagogi. Kajian kepustakaan menunjukkan bahawa tiga kaedah utama sedia ada mempunyai masalah dari segi organisasi pelajaran dan pedagogi. Kajian ini meneroka kemajuan 12 orang murid kelas pemulihan Tahun Enam dengan menggunakan kaedah baharu, Iqra' Fast Track (IFTaR) yang dicipta berlandaskan teori pembelajaran dan prinsip pedagogi. Metodologi kualitatif kajian kes menggunakan pemerhatian peserta dan temubual yang terperinci telah digunakan. Murid telah diajar semasa pasca UPSR secara intensif selama 2.5 jam sehari selama 8 hari. Dapatan kajian menunjukkan murid boleh membaca Bahasa Arab dan *al-Qur'an*, dan mendapati mereka mendapati kaedah IFTaR lebih mudah bagi pengenalan huruf dan perubahan bentuknya, mengeja dan membaca dan menyeronokkan. Kejayaan ini adalah buah daripada dua unsur penting, iaitu buku teks berdasarkan teori dan organisasi kurikulum dan pedagogi guru yang kreatif dengan melibatkan empat kemahiran bahasa melalui aktiviti imlak dan sebagainya. Kajian ini juga membincangkan batasan penyelidikan dan kepentingan dapatannya. Penyelidik menyarankan kajian kuantitatif berbentuk eksperimen dilaksanakan untuk pembuktian yang lebih kukuh.

Kata Kunci: IFTaR; Iqra' Fast Track Rosnani; teori pembelajaran; pedagogi; Program Pemulihan Celik *al-Qur'an*

ABSTRACT

Qur'anic literacy is obligatory for every Muslim because it contains guidance for their lives. In the Malaysian context, there are three prevalent methods used for the recitation of the Qur'an: the Muqaddam, the Qiraati, and the Iqra' (MOE). Studies from the Islamic Education teachers' perspectives have found that many primary and secondary school pupils had not mastered Qur'anic reading. Students faced problems at the fundamental level before they can learn tajwid. These studies on Qur'an reading rarely examined the causes of the problems, especially from the pedagogical aspect. The literature reviewed showed that there are problems with the three prevalent methods with respect to curriculum organization and pedagogy. This study explores the progress of 12 students from the Year Six remedial class for Qur'anic literacy using the new Iqra' Fast Track (IFTaR) method that was designed based on theories of learning and pedagogical principles. The qualitative case study methods of participant observation and in-depth interview were employed. Students were taught intensively for 2.5 hours daily for 8 days after the UPSR. The findings showed that students were able to read Arabic and the Qur'an, and found the IFTaR method easier, faster, and more enjoyable. The limitations and significance of the study were also discussed. The success of the IFTaR method is achieved through two important elements, its textbook and teaching pedagogies which are innovative and creative. Hence, this study recommends the IFTaR method for new learners of the Qur'an.

Key Words: IFTaR; Iqra' Fast Track Rosnani; learning theories; pedagogy; Qur'anic literacy Remedial Program

PENGENALAN

Celik al-Qur'an adalah satu kemahiran yang wajib bagi setiap Muslim kerana al-Qur'an mengandungi petunjuk (*huda*) bagi kehidupan mereka di dunia dan akhirat. Ia juga pembeza antara yang hak dan yang bathil, iman dan kufur dan berbagai-bagai lagi (*furqan*). Al-Qur'an juga mengandungi *shifa'*, penyembuh segala bentuk penyakit hati, batin dan juga fizikal dan mengandungi hikmah untuk menjadikan para Muslim berfikir dan bertindak dengan bijaksana. Al-Qur'an adalah sebuah kitab suci yang diturunkan kepada Rasulullah dan ia merupakan satu mukjizat yang besar sehingga menjadi pencetus gerakan ilmu sains dan teknologi era Abbasiah (Sarton, 1927; Nasr, 1968). Ayat-ayat daripada al-Qur'an juga merupakan intipati penting dalam menyempurnakan sembahyang fardhu lima kali sehari. Justeru, tanpa kemahiran membaca al-Qur'an, kehidupan seseorang Muslim itu tidak sempurna.

Al-Qur'an diturunkan kepada Nabi Muhammad ﷺ dalam bahasa yang Baginda dan kaumnya fahami iaitu Bahasa Arab. Pada awal Islam, tidak ramai orang Arab yang celik huruf tetapi ramai yang menghafaz al-Qur'an. Apabila bertambahnya kuttab dan galakan daripada Rasulullah ﷺ sendiri yang menawarkan kemerdekaan kepada tawanan perang Badar sekiranya mereka boleh mengajar orang Islam membaca dan menulis, bilangan celik huruf meningkat sehingga tamadun Islam berjaya memimpin dunia dalam segala bidang ilmu, khususnya pada zaman Abbasiah. Apa yang hendak diperkatakan di sini adalah Rasulullah ﷺ sendiri memulakan langkah celik huruf di kalangan umat Islam walaupun beliau dianggap Nabi yang *ummi*.

Dalam konteks Tanah Melayu keupayaan membaca al-Qur'an dalam bahasa aslinya iaitu Bahasa Arab, memang berlaku sejak Islam tiba melalui pedagang-pedagang daripada Jazirah Arab dan juga benua India. Menurut sejarawan, Islam mula bertapak di Terengganu pada kurun ke-14, iaitu kurun yang sama Ibn Batutah datang ke Kepulauan Melayu, sementara Sultan Iskandar Shah (Parameswara) memeluk Islam di Melaka pada awal kurun masihi ke-15. Daripada kitab Hikayat Abdullah (1970), amat jelas sekali bahawa orang Melaka pada kurun ke-18 mendahului celik al-Qur'an sebelum celik jawi. Setelah mereka tamat mengaji al-Qur'an baru mereka belajar bacaan Bahasa Melayu dalam tulisan jawi yang berasal daripada huruf Arab. Besar kemungkinan kitab yang digunakan untuk asas celik al-Qur'an ketika itu adalah kitab Muqaddam Baghdadiyah yang berasal daripada Baghdad.

Kitab Baghdadiyah ini telah digunakan beratus-tahun lamanya sehinggalah pada akhir kurun kedua puluh, iaitu

tahun 1980an, Kyai Dahlan Salim daripada Indonesia memperkenalkan kaedah Qiraati yang mengandungi 6 jilid kecil. Ia memperbaiki kaedah Baghdadiyah dan diperkenalkan dalam pelajaran Pendidikan Islam sistem persekolahan kebangsaan. Kaedah Qiraati kemudian telah diganti dengan Kaedah Iqra' 6 jilid oleh Ustaz As'ad Humam (2012) juga dari Indonesia, yang kemudian digunakan di sekolah kebangsaan. Kaedah-kaedah baru ini timbul kerana ketidakpuasan dengan kaedah Muqaddam yang mengambil tempoh masa yang lama untuk mahir membaca.

PERMASALAHAN, KAJIAN LITERATUR DAN TUJUAN KAJIAN

Penelitian terhadap penguasaan bacaan al-Qur'an dan juga kaedah-kaedah dan pendekatan yang digunakan mula berkembang pada akhir abad ke-20. Ini adalah kerana kajian (cth. Mohd Yusoff dan Nur Atiyah, 2013) menyimpulkan bahawa masih ramai umat Islam yang belum mampu menguasai bacaan al-Qur'an di mana bacaan kurang lancar, lemah dari segi *tajwid* yang betul dan tidak menyebut huruf *hijaiyah* dengan lafaz *makhraj* yang tepat. Kajian Mohd Yakub & Saidi Mohd (2008) di kalangan pelajar Tingkatan Empat di Terengganu mendapati 38.1% mempunyai gred yang sangat lemah dalam tahap bacaan al-Qur'an. Imran Kamal (2010) pula mendapati 31.3% ahli jemaah masjid di Daerah Hulu Langat lemah dalam bacaan *al-Fatihah*.

Statistik terkini yang diperolehi daripada penyelidikan kuantitatif melibatkan sampel terdiri daripada 801 orang guru Pendidikan Islam (GPI) Sekolah Kebangsaan, 370 orang GPI Sekolah Menengah Kebangsaan dari Malaysia Barat dan Timur mendapati bahawa penguasaan bacaan al-Qur'an murid-murid di sekolah rendah dan menengah tidak memuaskan. Majoriti besar GPI SMK (86.2%) bersetuju bahawa murid mereka belum dapat baca al-Qur'an sementara 82.9 peratus bersetuju mereka belum boleh baca jawi dengan lancar. Majoriti guru GPI SK (70.8%) bersetuju bahawa murid mereka mengalami masalah membaca al-Qur'an dan sementara 72.8 peratus bersetuju dengan masalah kelancaran membaca jawi. Guru menggunakan kaedah Iqra' Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan ada juga yang menggunakan kaedah al-Baghdadi untuk mengelakkan daripada mengantuk. Sementara itu, Perbincangan Kumpulan Fokus dalam kalangan guru dan murid SK pula mendapati terlalu banyak tumpuan diberikan kepada usaha khatam al-Qur'an sebelum tamat persekolahan sehingga kaedah Baca Ikut Guru (BIG) diamalkan walaupun murid tidak boleh membaca al-Quran secara bersendirian (JKPPI IKIM, 2018).

Sementara itu satu kajian lain tentang kelas KAFA oleh Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum LEPAI (2017), mendapati bahawa daripada 881 murid, 51.2% menyatakan bahawa bacaan al-Qur'an di kelas KAFA hampir sama banyak dengan di SK, 92% bersetuju pelajaran al-Qur'an di kelas KAFA membantu pelajaran bacaan al-Qur'an di SK dan 79.5% bersetuju mereka belajar membaca al-Qur'an lebih banyak di kelas KAFA berbanding SK. Ini boleh difahami kerana masa belajar al-Qur'an di kelas KAFA lebih lama iaitu 120 minit seminggu berbanding dengan 90 minit di SK. Statistik di KAFA ini menunjukkan sistem pengajian Qur'an KPM kurang efisien sehingga tambahan di KAFA menjadi keperluan.

Dalam kajian lain, Zulkifli dan Nur Atiyah (2013) melaksanakan penelitian untuk mengenalpasti kemampuan 30 murid Tahun Dua dan Tahun Tiga SK Segambut KL membaca al-Qur'an melalui teknik Iqra' di sekolah dan 30 orang kanak-kanak berumur 6-9 tahun melalui kaedah al-Baghdadi di pusat pengajian al-Baghdadi ATCKL, berdasarkan soal selidik dan ujian lisan (*shafawi*). Dapatan kajian menunjukkan Kaedah Baghdadi yang menggunakan bahan ketuk dan alat bantu mengajar yang lain lebih baik. Bagaimanapun masa yang diperuntukkan bagi setiap kumpulan tidak sama iaitu 6 jam seminggu bagi Kaedah Baghdadi dan 1.5jam seminggu bagi Iqra'. Justeru ada kelemahan dalam rekabentuk eksperimen.


Memang wujud kajian tentang celik al-Qur'an dalam kalangan pelajar (Mohd Aderi 2004), amalan pengajaran tilawah al-Qur'an di sekolah (Mohd Aderi, 2011), persepsi pelajar terhadap al-Qur'an (Mohd Aderi & Rohani 2009) dan kesalahan bacaan al-Qur'an (Surul dan M. Azhar, 2015), namun belum terdapat lagi kajian yang menganalisa kaedah-kaedah membaca al-Qur'an sedia ada dari sudut pedagogi dan kurikulum supaya ia lebih efisien dan kukuh. Daripada hasil penelitian mereka, Abdul Hafiz & Nor Hidayah (2010) pula mendapati bahawa walaupun kaedah Muqaddam Baghdadiyah ini telah melahirkan ramai masyarakat Melayu Islam yang boleh membaca al-Quran dengan baik, namun kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan iaitu: (a) metode mengenal huruf *hija'iyah*, huruf bersambung dan berbaris agak ketinggalan dan tidak sesuai untuk masa sekarang; (b) ia hanya menekankan satu aspek sahaja dari al-Quran iaitu membaca, sedangkan aspek penyelidikan, hafalan dan kefahaman tidak diambil kira; (c) susunan ayat-ayat al-Quran yang songsang, iaitu daripada an-Nas kepada an-Naba' boleh mengelirukan murid serta melahirkan anggapan susunan al-Quran sememangnya begitu; dan (d) pelajar mampu membaca al-Quran yang biasa mereka gunakan sahaja dan mengalami kesukaran membaca al-Quran dari penerbit lain.

Dari perspektif psikologi pendidikan, terdapat beberapa teori umum tentang pembelajaran, iaitu (i) teori


pembelajaran kognitif yang melihat aspek bagaimana pemikiran insan mempengaruhi pembelajaran; (ii) teori behaviourisme, iaitu kesan pengaruh luar seperti ganjaran dan hukuman terhadap tingkahlaku; (iii) teori konstruktivisme, iaitu insan membina sendiri pemahamannya berasaskan pengalaman lalu, asimilasi dan akomodasi; (iv) teori kognitif sosial, iaitu insan belajar menerusi pemerhatian dan pengalaman berinteraksi dengan orang lain (Zhou & Brown, 2015). Teori kognitif sosial ini terdiri daripada empat unsur iaitu (a) tumpuan (*attention*) bagi membantu murid fokus; (b) pengekalan atau pengingatan (*retention*) bagi menghadam maklumat dan mengingatnya semula; (c) reproduksi iaitu penjaan tingkahlaku yang pernah dipelajari apabila sesuai digunakan; (d) motivasi iaitu semangat daripada melihat rakan-rakan diganjar atau dihukum (Bandura 1971, 1986). Dalam pengajaran, guru-guru boleh menterjemahkan teori-teori ini semasa mengajar dan menggunakannya mengikut kesesuaian. Dari sudut pedagogi pula, Ab. Halim *et.al.* (2006) menjelaskan beberapa prinsip yang digunakan untuk mengajar, misalnya daripada konkrit kepada abstrak, daripada mudah kepada kompleks, daripada keseluruhan kepada bahagian, daripada umum kepada khusus, daripada spesifik kepada umum, daripada dekat kepada jauh dan daripada diketahui kepada belum diketahui. Menurut Husbands & Pearce (2012) pedagogi yang berkesan merangkumi sembilan aspek: memberi ruang kepada suara murid; bergantung kepada tingkahlaku, ilmu dan kepercayaan guru; kejelasan pemikiran tentang matlamat jangka panjang pembelajaran; dibina atas pengalaman dan apa yang dipelajari oleh murid sebelumnya; menyusun pembelajaran bertingkat secara beransur-ansur; melibatkan pelbagai teknik termasuk untuk kumpulan dan individu; fokus kepada pengembangan kemahiran berfikir aras tinggi dan metakognisi, melalui dialog dan pertanyaan; merangkum pengukuran pembelajaran; dan bersifat inklusif dan menimbangkan keperluan murid yang pelbagai secara saksama.

Justeru penyelidik telah menganalisa dan menilai ketiga-tiga kaedah Muqaddam Baghdadiyah, Qiraati Kyai Dachlan dan Iqra' Ustaz As'ad Humam dari sudut pedagogi dan teori pembelajaran sebagai sebahagian daripada kajian kepustakaan. Bagi kaedah Baghdadi, penyelidik telah meneliti kitab *Muqaddam* yang terdiri daripada dua bahagian, yang pertama untuk mengenali huruf dan mengeja perkataan dan yang kedua adalah *Juzu'amma* dalam susunan songsang – bermula dari Surah *al-Fatihah*, *an-Nas* ke *an-Naba'*. Kitab ini tidak mempunyai isi kandungan atau panduan mengajar bagi guru, dan juga organisasi pelajaran. Lazimnya, ramai guru mengikut sahaja susunan yang sedia ada tanpa pemikiran atau persoalan. Masalah utama kaedah ini adalah ia membebaskan memori murid sebab mereka dikehendaki

terlebih dahulu mengenal dan mengingat kesemua 28 huruf abjad mengikut tertib dari ا hingga ي (Rajah 1), dan kemudian barulah diperkenalkan vowel pertama, *fathah* dan ini pula untuk kesemua 28 huruf. Seterusnya, vowel pendek lain *kasrah* dan *dammah*, *tanwin* dan *mad* diperkenalkan secara mana *fathah* diperkenalkan (Rajah 2). Inilah yang dimaksudkan tidak mempunyai pelajaran bertingkat secara beransur-ansur (*scaffolding*). Ini membuat murid terbantut berminggu-minggu untuk mengenal huruf dan kadangkala ia mematahkan semangat mereka. Kaedah ini tidak mengikut prinsip teori pembelajaran sosial sebab tidak ada teknik untuk tumpuan, pengekatan, reproduksi dan motivasi. Pedagogi guru pun hanya duduk menghadap kitab di atas rihal tanpa papan tulis, bergantung kepada buku semata-mata dengan mengulang-ulang tanpa dialog dan pertanyaan.



Rajah 1. Muqaddam huruf dan tertib ms 1



Rajah 2. Muqaddam fathah ms 2

Seperti juga kaedah Muqaddam, penyelidik mendapati bahawa buku teks kaedah Qiraati (Dahlan, 1993) dan kaedah Iqra' (As'ad, 2012) yang masing-masing mengandungi enam jilid kecil, tidak mempunyai isi kandungan, organisasi susunan pelajaran bertingkat dan panduan mengajar. Bagaimanapun ada sedikit penambahbaikan bagi kedua-duanya kerana semua huruf abjad itu diperkenalkan mengikut tertibnya satu per satu dalam satu jilid di mana *fathah* dan rangkaian huruf dengannya turut diajar pada jilid satu. Kedua buku berbeza daripada jilid 2 hingga jilid 6. Bagi buku Qiraati, jilid 2 baru memperkenalkan semua vowel: vowel pendek *kasrah* dan *dammah*, *fathatani*, *kasratani*, *dammataani*, *mad* ا, *mad* ي *mad* و; alif pendek cth. *بقي*. Jilid 3 kurang kandungan dan lebih latihan mengeja ditambah dengan *كانوا* = *كانوا*; *ه ه ه ه*; *sukuun* dan *لا*, manakala jilid 4 hingga 6 pula diisi dengan ilmu *tajwīd*. Penyelidik mendapati bahawa terlalu

banyak vowel dalam jilid 2 dan diperkenalkan serupa dengan cara Baghdadi, iaitu diberi kepada kesemua 28 huruf tanpa membina perkataan daripada gabungan huruf yang berbeza mahupun vowel berlainan. Ia mengandaikan bahawa murid sudah mengenali kesemua huruf apabila tamat Jilid 2, tetapi ini tidak berlaku. Oleh yang demikian, mereka perlu mengulang berkali-kali untuk mengingat kesemua huruf dan ini menimbulkan rasa jemu dalam kalangan murid.

Jilid 2 Kaedah Iqra' pula fokus kepada perubahan bentuk huruf kerana kedudukannya – iaitu di depan, di tengah atau di akhir rangkaian, dan menulis rangkaian huruf seperti *تَبَّ* = *تَبَّ*; *mad alif* dan *alif maqsurah*. Semua vowel yang terdapat pada jilid kedua Qiraati dibahagi-bahagikan pada jilid ketiga hingga kelima Iqra' iaitu *kasrah*, *mad* ي, *dammah*, *mad* و, gabungan perkataan pada jilid ketiga; *fathatani*, *kasratani*, *dammataani*, *sukūn* pada jilid keempat; dan *Alif lam qamariah* pada jilid kelima. Jilid 6 mengandungi *tajwīd*. Oleh itu, masalah kaedah Iqra' serupa dengan masalah kaedah Qiraati bagi jilid pertama. Masalah kedua besar ialah kaedah Iqra' melambatkan keupayaan membaca apabila ia menangguhkan semua vowel ke jilid tiga hingga lima. Tetapi Iqra' lebih praktikal daripada Qiraati kerana fokus pada satu jilid sahaja untuk *tajwīd*. Selain daripada teks yang dianalisa, perbualan dengan guru dan pemerhatian kelas juga mendapati cara mereka mengajar adalah cara tradisional, iaitu membaca menggunakan buku sebagai bahan utama, diulang-ulang untuk ingat dan tidak melibatkan penulisan atau pendengaran (Abdul Hafiz dan Nor Hidayah, 2010). Berdasarkan analisa kritis yang penyelidik lakukan, sememangnya ketiga-tiga kaedah mempunyai kelemahan kurikulum - organisasi kandungan dan kaedah pengajaran, serta tidak mengambil kira pedagogi berkesan bagi pembelajaran.

Berdasarkan kajian kepustakaan kita dapat simpulkan bahawa kaedah mengaji atau membaca al-Qur'an masih mempunyai kelemahan dari pelbagai sudut – kurikulum, khususnya organisasi pelajaran yang tidak merangkumi kemahiran menulis dan mendengar, pedagogi tradisional tanpa perubahan, tidak ada pengukuran atau penilaian zahir atau tersirat. Oleh itu tidaklah menghairankan kenapa masih ramai murid sekolah yang bermasalah dalam menguasai pembacaan al-Qur'an. Ini tidak selaras dengan firman Allah, “Kami tidak menurunkan al-Qur'an ini kepadamu agar kamu menjadi susah” (al-Qur'an Ta Ha: 2). Sebaliknya Allah menegaskan Ia memudahkan al-Qur'an sebanyak empat kali (Surah Qamar Ayat 17, 22, 32 dan 40) “Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan al-Qur'an untuk pelajaran, maka adakah orang yang mengambil pelajaran?”. Tujuan kajian ini adalah untuk menyelidik keupayaan IFTaR, satu kaedah baharu meningkatkan kemahiran dan kelancaran asas membaca

al-Qur'an dalam kalangan murid-murid Tahun Enam yang dikenalpasti oleh guru masih belum boleh mengeja dan membacanya. Kaedah ini dicipta dengan mengambilkira teori-teori pembelajaran, aspek kurikulum terutama objektif, organisasi pelajaran, pedagogi atau kaedah pengajaran, dan penilaian. Soalan kajian yang ingin dijawab adalah seperti berikut:

1. Apakah pandangan murid terhadap kaedah IFTaR?
2. Bagaimanakah tingkahlaku pengajaran guru mengaplikasikan buku IFTaR?
3. Bagaimanakah kaedah IFTaR dapat membantu murid-murid yang masih belum celik huruf meningkatkan kemahiran dan kelancaran dalam membaca al-Qur'an?

KERANGKA TEORITIKAL KAEDAH IQRA' FAST TRACK (IFTAR)

Kaedah Iqra' Fast Track atau Trek Cepat Rosnani (IFTaR) telah ditemui oleh Profesor Rosnani, seorang pensyarah Kulliyyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan telah dibukukan dengan judul, *Mari Membaca Bahasa Arab* (Rasnani & Hassanein, 2012). Kaedah ini menggabungkan teori-teori pembelajaran dan teknik-teknik pedagogi berkesan. Pertama, kaedah ini menyusun pembelajaran bertingkat secara beransur-ansur dengan menggabungkan beberapa huruf *hija'iyah* dengan vowel secara bergilir-gilir, bermula dengan vowel pendek, kemudian tanwin dan mad panjang sehingga akhirnya semua diliputi. Susunan pelajaran adalah seperti yang terdapat pada Jadual 1 bermula dengan huruf kaf (ك) dan berakhir dengan huruf hamzah (ء) di mana vowel terdapat pada segi empat. Sesuai dengan teori pembelajaran sosial dan juga teori behaviorisme, bagi setiap huruf dan vowel disediakan satu halaman untuk tumpuan dan latihan penulisan bagi pengekaln dan diikuti dengan satu halaman bagi latihan mengeja perkataan yang dibentuk daripada huruf dan/atau vowel baharu sebagai penjaan dan latihan pengukuhan. Susunan huruf ini adalah berbeza dengan semua kaedah sebelumnya yang menyusun huruf ikut susunan abjad dari ا hingga ي.

Setiap kali selepas diperkenalkan huruf atau vowel baharu, murid diberi aktiviti pengekaln dan reproduksi dengan mengeja perkataan baharu yang melibatkan huruf atau vowel baharu dengan rangkaian huruf yang telah dipelajari sebelumnya ditambah dengan tulisan dan imlak, bergantung kepada umur murid. Vowel diajar dengan menekankan bunyi dan bentuk bibir. Konsonan diajar dengan menekankan makhraj huruf dibibir, lidah, rongga tekak dan mulut dan diulang (pengukuhan). Bentuk huruf juga dijelaskan untuk identiti dan ingatan (pengekaln), misalnya, huruf م mempunyai mata, dan huruf ل macam mata kail. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) ini berterusan mengikut susunan yang diberi sehingga murid boleh membaca beberapa ayat daripada al-Qur'an, surah-surah pendek dan perbualan Bahasa Arab mudah.

Kaedah IFTaR dicipta berdasarkan teori pembelajaran dan beberapa prinsip pedagogi yang kukuh seperti berikut:

- i. Mengajar daripada perkara yang senang kepada yang susah dan daripada yang diketahui kepada yang tidak diketahui (Ab. Halim et al., 2006). Misalnya, Jadual 2 menunjukkan satu huruf tetapi mempunyai dua bentuk ك ل kemudian diikuti dengan *fathah*.
- ii. Membina perkataan baharu daripada huruf yang sudah dipelajari (teori konstruktivisme dan reproduksi). Jadual 3 huruf ن (baharu dan diwarnakan merah) dengan huruf-huruf dan vowel yang telah dipelajari sebelumnya iaitu ف - أ - م - ل - ك dan tiga vowel pendek (reproduksi dan motivasi).
- iii. Menggunakan gambar dan memperkenalkan istilah Arab dan merangsang semangat murid, misalnya Jadual 4 perkataan Arab bagi katak dan bagi setiap huruf yang diperkenalkan (tumpuan, motivasi dan pengekaln).
- iv. Menunjukkan perubahan huruf ض mengikut kedudukan pada awal, tengah dan akhir perkataan apabila huruf diperkenalkan, misalnya Jadual 4 baris 3, 4 dan 5 untuk pengekaln dan reproduksi.
- v. Menambah bacaan dan sebutan dengan kemahiran menulis dan mendengar supaya lebih mudah mengingat dengan menyediakan petak menulis huruf (pengekaln) seperti Jadual 2, dan melorek perkataan yang kelabu (motivasi) seperti Jadual 2 dan 3.

Jadual 1. Susunan pelajaran dalam buku IFTaR (h. 1-80)

ك ل م ا ف ن ر ب ت م د ا ع د و م د و س
ج ش ق ز ي م د ي ط ه ح ال ث غ خ ص ذ ظ ض ي ء

Di samping itu kaedah IFtaR menggunakan kaedah saintifik bagi tujuan motivasi, tumpuan, pengekal dan reproduksi seperti berikut:

- membeza huruf dan perkataan dengan menggunakan warna merah untuk huruf baharu, warna hitam untuk yang telah dipelajari dan warna kelabu untuk latihan menulis.
- membedah perkataan supaya dapat melihat perubahan bentuk ikut kedudukan.
- menunjukkan makna satu perkataan Arab dengan gambar bagi setiap huruf baharu atau beberapa perkataan terpilih yang dibina melalui gabungan.

Jadual 2. Huruf ك dan fathah (h.1)

 ك ك					
ك	ك	ك	ك	ك	ك
ك	ك	ك	ك	ك	ك
الْفَتْحَةُ (ـَ)					
كَ	كَ	كَ	كَ	كَ	كَ
كَ	كَ	كَ	كَ	كَ	كَ
كَ	كَ	كَ	كَ	كَ	كَ

Jadual 3. Gabungan ن dan huruf sebelumnya (h.14)

ن	ن	ن	ن	ن	ن
نَم	نِم	نِ	نَ	نْ	نَ
أَن	إِن	فَن			
فَنَم = فَنَم					
أَمِن	لَك	مَكَن			
نَم	نِم	نِ	نَ	نْ	نَ

Jadual 4. Huruf 3 & ض mad (h.72)

ضَا ضِي ضُو	
ضَرَبَ = ضَرَبَ ضَرَبْنَا	
غَرَضَ = غَرَضَ	
هَدَفَ ضَحِكَ ضَرْبًا	
أَرْضَ مَرَضَ تَضَرَّعَ ضَاعَفَ	
ضَفَدَعُ ضَيُوفُ	

METODOLOGI

REKABENTUK DAN SUBJEK KAJIAN

Kajian ini melibatkan sebuah kelas pemulihan, di mana 12 orang murid masih belum boleh membaca al-Qur'an. Murid Tahun Enam ini terdiri daripada enam murid perempuan dan enam murid lelaki dari sebuah sekolah kebangsaan di Setapak, Kuala Lumpur. Kelas pemulihan ini telah dijalankan pada waktu persekolahan selepas peperiksaan UPSR menggunakan kaedah IFtaR. Kajian ini melibatkan metodologi kualitatif kajian kes menggunakan pemerhatian peserta dan temubual mendalam melalui rakaman video untuk mengetahui proses dengan lebih terperinci. Kaedah kajian kes ini didapati sesuai bagi mengetahui dan memahami lebih lanjut mengenai fenomena ini (Aspers & Corte, 2019). Kajian kes juga membantu penyelidik dalam analisis kontekstual yang lebih mendalam (Tracy, 2020). Murid telah dipilih oleh pihak sekolah sendiri berdasarkan kriteria tersebut:

- murid Tahun 6 yang telah selesai menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)
- tidak kenal semua huruf dan vowel, tidak dapat mengeja dan justeru, tidak lancar membaca al-Qur'an

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Murid yang terpilih di dalam kajian kes ini diajar membaca al-Qur'an menggunakan kaedah IFtaR dan buku IFtaR berjudul *Mari Membaca Bahasa Arab* yang mempunyai

86 mukasurat. Mereka belajar secara intensif iaitu setiap sesi lebih kurang 2 hingga 2.5 jam selama 8 hari persekolahan berturut-turut. Daripada 12 murid, hanya dua sahaja yang dipilih untuk ditemubual secara mendalam. Selain itu, beberapa kelas pengajaran IFTaR telah dirakam. Penyelidik telah memilih pemerhatian daripada kelas pelajaran huruf baharu *sin*, *shin* dan *jim* dan satu lagi kelas *imlak* selepas belajar huruf *ya* dan *mad ya*.

PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MENGUNAKAN KAEDAH IFTAR

Murid telah diajar secara aktif dalam satu kumpulan mengikut pendekatan berpusatkan murid. Guru menggunakan papan tulis selain buku tek bagi memberi contoh tambahan dan juga menjelaskan maksudnya. Pada setiap pelajaran guru mengimbas kembali huruf dan vowel yang sudah dipelajari dengan menulis di papan tulis dengan meminta murid menyebut huruf dan vowel secara bergilir. Selepas itu beliau menulis beberapa perkataan melibatkan huruf yang baharu lepas bagi menilai ingatan dan kebolehan membaca murid-murid. Setelah berpuas hati guru memperkenalkan huruf atau vowel baharu.

Mereka diberi sedikit masa, lebih kurang 5 minit untuk menulis huruf baharu dalam ruang disediakan dalam buku tek. Setiap hari diadakan imlak untuk ujian kemahiran mendengar dan menulis bagi mengakhiri kelas. Murid didorong untuk melorekkan jadual tertib huruf (ms. 86) apabila tamat belajar sesuatu huruf tersebut. Dengan ini mereka akan tahu berapa banyak lagi huruf yang telah dan masih perlu dipelajari. Walaupun ada murid yang sudah mengenali huruf ك pelajaran bermula juga dari huruf itu pada halaman satu dengan andaian tidak semua murid sudah mengenali huruf itu. Jadual 5 menunjukkan perkembangan pelajaran para murid sepanjang 8 hari pembelajaran tersebut. Jelas daripada jadual bahawa

murid-murid dapat mengenal sekurang-kurangnya 5 huruf dan membaca gabungan perkataannya dalam tempuh 2.5 jam. Jumlah masa pembelajaran adalah lebih kurang 18 jam untuk murid pemulihan dapat membaca.

KAEDAH ANALISIS DATA

Setelah data dikutip melalui sesi pemerhatian dan temubual yang mendalam, penyelidik akan mendengar semula rakaman audio dan video bagi menulis verbatim. Transkripsi data akan dibaca berulang-kali agar penyelidik memahami data tersebut sebelum menghasilkan tema yang berkait dengan soalan dan tujuan kajian. Data daripada pemerhatian yang dirakam di dalam kelas juga dianalisis bagi menghasilkan tema untuk menyokong data hasil daripada temubual. Bagi memastikan data yang berkredibiliti, penyelidik meletakkan verbatim di dalam dapatan kajian bagi menerangkan tema di dalam perbincangan. Data yang terhasil adalah sahih kerana adanya triangulasi data melalui pengutipan pelbagai jenis data dan kaedah bagi menyelidik fenomena yang sama (Denzin, 1978). Selain itu, dua orang penyelidik telah membuat tafsiran masing-masing terhadap transkripsi pemerhatian dan temubual dan mereka bersetuju dengan satu sama lain dalam penafsiran itu.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

APAKAH PANDANGAN MURID TERHADAP KAEDAH IFTAR?

Bahagian ini menjawab soalan kajian yang pertama iaitu, pandangan murid terhadap kaedah IFTaR melalui data yang diperolehi daripada temubual mendalam. Perkara ini disusun mengikut tema dan sub-tema.

Jadual 5. Perkembangan pelajaran kelas IFTaR murid pemulihan

Tarikh	Tempoh Masa (Jam)	Halaman Buku	Kandungan Pelajaran
10 Okt	2	1-5	ك ل م
11 Okt	2	6-20	أ ف ن ر ب ت ة
12 Okt	2.5	21-35	د و م د ا ء ع ء
16 Okt	2	Imlak	Ms 35 selepas huruf و contoh وَ غَدَ dan بَلَدَ Tulisan perkataan bersambung
18 Okt	2	37-44	م د و س ج ش ق
23 Okt	2	45-48	ز ي & ulangkaji ms 1-44
24 Okt	2.5	Imlak 49-64	ms 51 selepas huruf ي dan م د ي dan perkataan bersambung cth بَيَّانٌ م د ي ط ه ح ص غ خ ث ذ
29 Okt	2.5	65-81 82-85 Surah	ظ ض ال ي ء Perkataan Arab, ayat al-Qur'an, perbualan Arab an-Nas, al-Falaq, al-Ikhlas dan al-Maun

TEMA 1 - PANDANGAN MURID TERHADAP KAEDAH IFTAR

Penyelidik telah menemubual dua orang murid – seorang perempuan dan seorang lelaki di akhir kajian. Murid perempuan tersebut sudah pun mula menggunakan buku KPM Jilid 5, tetapi masih tidak kenal 6 huruf, vowel baris dua, *shadda*, *sukūn* dan tidak boleh mengeja perkataan bersambung sebelum kelas IFTaR ini dijalankan. Dalam temubual (lihat Jadual 7) beliau menyatakan bahawa kaedah IFTaR ini lebih senang difaham dan diingat, dan lebih mudah.

Jadual 7. Sebahagian transkripsi daripada murid perempuan

	Transkripsi
S	Sebelum kita guna buku ini, kamu kenal tak huruf-huruf (hijaiyah) ini (menunjukkan semua huruf di kertas)?
J	Banyak yang kenal.
S	Mana yang tak kenal?
J	(Murid tunjukkan 6 huruf yang dia tidak kenal). Antaranya: ص غ ض
S	Kenal tak baris-baris a, i, u (fathah, kasrah dan dommah)?
J	Kenal.
S	Kenal tak baris an in un (fathatani, kasratani dan dommatani)?
J	Kurang.
S	Shadda dan tanda mati (sukūn) kenal?
J	Tak kenal.
S	Sebelum mula program ini kamu boleh eja tak perkataan-perkataan?
J	(Murid geleng kepala tanda tidak boleh).
S	Jadi kamu di sekolah kebangsaan sudah habis jilid berapa buku KPM (iqra UH)?
J	KAFA. Jilid 5.
S	Banyak dah tu. Tapi tak kenal semua huruf lagi. Jadi bila kamu kenal seluruh huruf? Kelas ini?
J	Ya, kelas ini.
S	Kamu mula baca buku KPM pada Tahun Satu?
J	Tidak. Hanya pada Tahun Tiga
S	Jadi pada Tahun Tiga bila kamu mula baca buku Iqra KPM ni susah ke?
J	Susah.
S	Jadi dah baca buku IFTaR ini kamu dah kenal semua huruf? Semua baris?
J	Ya semua huruf, dan semua baris. ****
S	Baca buku ini lebih senang, mudah lagi faham dan ingat?
J	(Murid angguk untuk tiap satu)

sambung ...

... samb.

S	Kita buat ejaan dan tulis perkataan (imlak). Kamu rasa itu bagus tak?
J	Bagus untuk ingat.
S	Satu lagi kita buat kita pasangkan murid untuk semak bacaan. Ini bagus tak?
J	Itu juga bagus.
S	Buku ini tunjukkan dua bentuk huruf serentak (spt ة dan ﺱ – adakah ini mengelirukan?
J	Ini cepat lagi nak ingat.
S	Di antara kedua-dua buku ini, (Iqra dan IFTAR), untuk belajar Tahun Satu, yang mana lebih senang, mudah faham dan ingat?
J	(Tunjuk buku IFTAR).

Murid lelaki yang ditemubual pula menyatakan beliau suka dengan kaedah IFTaR kerana guna satu buku sahaja dan ada menulis dan *imlak* (lihat Jadual 8). Ini membuatnya lebih ingat. Bila diberi pilihan antara menggunakan buku KPM Iqra dan buku IFTAR untuk mengajar murid Tahun Satu, kedua-dua murid memilih buku IFTAR.

Jadual 8. Sebahagian transkripsi daripada murid lelaki

	Transkripsi
S	Kita ada buat aktiviti di mana selepas guru ajar, kita menulis. Kamu rasa itu bagus tak?
J	(Murid angguk mengiyakan).
S	Kamu rasa bagus dari segi apa – ingat ke, latihan tulisan ke?
J	Kedua-dua boleh. Tahu tulis sambung.
S	Cikgu kenalkan dua bentuk huruf serentak. Adakah ini mengelirukan?
J	Tidak. Ia mencepatkan lagi mengenal huruf.
S	Kalau kamu boleh cadangkanlah, buku ini (Iqra KPM) atau buku ini (IFTaR) untuk digunakan?
J	Saya pilih buku ini (tunjuk buku IFTAR) sebab ia lebih senang.

Hasil kajian kualitatif empirikal menunjukkan beberapa sub-tema daripada temubual dengan dua orang murid yang terlibat.

SUB-TEMA 1 – KESUKARAN MENGENALI HURUF

Sub-tema pertama adalah kesukaran mengenali huruf dan kalau pun mereka mengenalinya ia adalah ketika terpisah. Apabila huruf-huruf ini disambung untuk membentuk perkataan, mereka mengalami kesukaran yang berganda apatah lagi apabila digabungkan dengan vowel dan ى ا untuk membunyikannya.

SUB-TEMA 2 – SUKAR MENGENALI PERUBAHAN BENTUK HURUF

Sub-tema kedua, mereka juga sukar mengenali perubahan bentuk huruf apabila ia berubah kedudukan daripada awal, pertengahan dan akhir seperti huruf ح, غ, ع, م, ك dan sebagainya. Kaedah IFTaR menunjukkan hal ini melalui konsep pembedahannya di mana perubahan bentuk sesuatu huruf juga dijelaskan apabila ia diperkenalkan dalam perkataan yang diberi.

SUB-TEMA 3 – KAEDAH IFTAR LEBIH MUDAH

Sub-tema ketiga adalah pandangan mereka bahawa Kaedah IFTaR lebih mudah dan mengandungi latihan untuk membantu mengecam, mengingat huruf dan mengeja melalui menulis huruf, perkataan, dan imlak. Sebagai guru kita tentu faham dilema hendak membaca sesuatu ayat pada hal mereka belum pun boleh mengeja.

SUB-TEMA 4 – BELAJAR SECARA BERPASANGAN

Sub-tema keempat adalah persetujuan belajar dengan cara memasangkan dua orang murid untuk menyemak ejaan dan bacaan adalah bagus dan kita boleh rasa mereka seronok belajar apabila mereka sendiri aktif dan terlibat.

SUB-TEMA 5 – TIADA KEKELIRUAN

Sub-tema kelima adalah pendapat mereka bahawa kita boleh tunjukkan bentuk-bentuk sesuatu huruf itu serentak tanpa menyebabkan kekeliruan. Ini menunjukkan bahawa kita tidak perlu pelajaran khas tentang perubahan bentuk huruf mengikut kedudukannya di awal, tengah dan akhir perkataan.

SUB-TEMA 6 – TIDAK BOSAN

Sub-tema keenam dan terakhir adalah mereka tidak bosan belajar mengaji menggunakan kaedah IFTaR seperti apa yang diberitahu oleh dua orang murid yang ditemubual. Kajian juga mendapati bahawa murid-murid ini lebih menggemari buku tek IFTaR berbanding buku tek KPM.

Kajian ini menunjukkan semua murid telah beroleh pencapaian yang baik dalam tempoh 18 jam. Mereka dapat membaca ayat-ayat daripada surah pendek *al-Nas*, *al-Falaq* dan *al-Ikhlash* tetapi dengan kelancaran yang berbeza, kecuali seorang murid yang lemah dan tidak hadir beberapa hari. Ayat-ayat untuk dibaca dipilih secara rawak tanpa mengikut susunan ayat sebab penyelidik peka mereka sudah menghafal surah-surah tersebut. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penguasaan hasil yang baik ini adalah kerana gabungan buku teks IFTaR dan pedagogi berkesan yang guru amalkan. Ini bermakna murid ini telah boleh membaca dalam Bahasa Arab walaupun mereka tidak faham maknanya dan selepas itu mereka boleh membaca al-Qur'an *Juzu' Amma* dan belajar tajwid dalam konteks ayat yang dibaca. Dalam konteks ini penyelidik kurang setuju dengan Abdul Hafiz & Nor Hidayah (2010) bahawa susunan membaca secara tertib yang songsang ini akan mengelirukan murid sebab adalah lebih penting murid dapat tamatkan satu surah pendek dan pencapaian ini menaikkan semangat untuk terus membaca.

KAEDAH PENGAJARAN GURU MENGAPLIKASIKAN BUKU IFTAR

Bahagian ini menjawab soalan kajian tentang bagaimanakah kaedah pengajaran guru ketika mengaplikasikan buku IFTaR. Data untuk menjawab persoalan ini diperolehi daripada pemerhatian menerusi dua rakaman video kelas tersebut.

TEMA 1 –KAEDAH PENGAJARAN GURU KETIKA MENGAPLIKASI BUKU IFTAR

Tema bagi kaedah pengajaran guru dalam mengaplikasi buku IFTaR meliputi dialog, pertanyaan, pembezaan, makna perkataan, kreativiti, memberi peluang kepada semua murid, menilai kebolehan murid, memberi perhatian kepada murid lemah, meneliti perubahan huruf, memastikan hampir semua murid sudah dapat sebelum mengajar perkara baharu. Berikut dijelaskan eviden untuk tema tersebut dengan verbatimnya.

Jadual 6. Tema berkaitan tingkah laku guru semasa mengajar IFTaR

Tema	Verbatim
Pertanyaan	sa itu kalau ada ini (sin berfathah سَ). Kalau begini سَ ? (guru tutup fathah). Matahari panggil apa? Ash-shams... matahari. Baik kita betulkan kalau shan شَ mesti ada huruf apa? Alif (أَ)
Pembezaan	Nampak tak huruf ini? Sin ada kawan. Dia sama tapi yang ini ada tiga titik. Tadi sin, yang ini? Ok. Tengok sini ya. Shams ini tak boleh tulis begini ya! (iaitu bukan lurus lepas gigi). Dia mesti diakhiri dengan lengkung ke bawah (شَمْسُ) Ja جَ ke jim جَ ? Jangan lupa ya ja itu sudah ada baris atas.

sambung ...

... samb.

Makna perkataan	Tahu tak sin س itu untuk apa dalam Bahasa Arab? Dia ada gigikan? Sin atau sinun itu gigi. Ingat. Wash shamsi wadh dhuha ... demi matahari dan dhuha. Negara apa [kah] yang dipanggil? Shams? Nabi mengembara dari Mekah ke Shams. Jadi Shams tu negara mataharilah?
Kreativiti	Tutup baris: sa tu kalau ada ini (sin berfathah). Kalau begini? (guru tutup fathah). Lagukan: Ok sekarang kita nyanyi. (Murid sebut beramai ramai: سِنْ سِنْ سِنْ) Kemudian: سِنْ سِنْ سِنْ سِنْ سِنْ
Beri peluang kepada semua	Dalam kumpulan dan individu baca bergilir-gilir: baris pertama.
Menilai kebolehan murid sebagai prasyarat pelajaran baharu	(Kemudian guru menulis semua huruf yang telah dipelajari dipapan putih dan menunjuk huruf-huruf secara rawak kemudian menyatakannya untuk dibaca bagi menilai keupayaan murid secara kumpulan sebelum mengenalkan huruf baharu).
Memberi perhatian kepada murid lemah	Ok. Semua dah dapat. Sekarang kita lihat halaman 38. Baris pertama, mula Hakim! Shaa shaa shuu shuu (Guru berjalan ke meja Hakim untuk mendengar bacaannya).
Memerhatikan perubahan huruf kerana kedudukan	Tengok ya (شِنْ رَكْ = شَرْكْ) shin bersambung dengan ra, tidak ada lengkok lagi.
Berdialog	Jim ini bila disambung di belakang ekornya akan dipotong seperti ayn (وَجَدَ). (Ini kelihatan pada setiap masa seperti yang terdapat pada tema-tema di atas.)

TEMA 2 - MURID AKTIF

Daripada verbatim di atas kita dapati bahawa murid bergiat aktif dalam kelas ini. Mereka mengeja dan membaca secara kumpulan dan secara individu dengan bergilir-gilir. Guru kelas IFtaR tersebut tidak menggunakan kaedah sebut ikut guru sahaja tetapi sering menyoal supaya murid perlu berfikir untuk menjawab soalan seperti meneka erti perkataan dalam Bahasa Arab, atau soalan umum tentang negara Shams. Maknanya wujud soalan berfikir aras tinggi. Cara mengajar guru ini memang berpusatkan murid hingga membuat murid aktif, kaedah yang sangat sesuai untuk PAK-21.

TEMA 3 - MURID SERONOK

Daripada pemerhatian kelas melalui rakaman video, penyelidik mendapati bahawa pelajaran IFtaR ini menyeronokkan bagi murid berdasarkan riak wajah, mereka berlumba hendak menjawab walaupun jawapan mereka kadang-kadang tidak tepat. Mereka juga saling membantu antara satu sama lain dalam mengemukakan pandangan. Mereka kelihatan gembira dan mengulang sebutan perkataan baharu dalam Bahasa Arab seperti سِنْ untuk gigi, سَمَكْ untuk ikan dan شَمْسْ untuk matahari. Mereka suka apabila diminta menyanyikan perkataan atau huruf yang ada panjang pendek dan sama-sama tergelak ketika seseorang berbunyi sumbang.

BAGAIMANAKAH KAEDAH IFTAR DAPAT MEMBANTU MURID-MURID YANG LEMAH DI DALAM CELIK AL-QUR'AN?

Bahagian ini menjawab soalan kajian yang ketiga iaitu, bagaimanakah kaedah IFtaR dapat membantu murid-murid yang belum celik al-Qur'an. Beberapa tema bersangkutan dengan guru dan murid diperolehi daripada pemerhatian pelajaran *imlak*.

TEMA 1 – KEPENTINGAN IMLAK UNTUK KEMAHIRAN MENDENGAR

Kelas IFtaR kedua yang dipilih telah diperhatikan selepas murid tamat membaca halaman 51 iaitu tamat mengenal huruf *zal*, *ya* dan *mad ya*, dan membaca perkataan yang mengandungi huruf tersebut.

Imlak bermula dengan guru meminta murid mengeluarkan buku *imlak* dan pensil. Kemudian guru menyebut perkataan untuk *imlak* satu persatu dengan memberi masa yang sesuai bagi setiap perkataan. Selalu ada murid yang minta guru ulang sebutan supaya mereka lebih jelas atau ulang perkataan sebelumnya sebab mereka ketinggalan. Ini menunjukkan bagaimana kemahiran mendengar dipupuk melalui aktiviti *imlak*. Ada pula yang menjerit- “dah siap” bila telah selesai menulis perkataan yang guru sebutkan.

SUB-TEMA 1 - PILIHAN PERKATAAN UNTUK IMLAK

Sub-tema pertama adalah pilihan perkataan untuk imlak merangkumi huruf-huruf yang telah dipelajari sebelum ini. Ini membantu mengukuhkan pengenalan kepada huruf-huruf itu dan mengeja perkataan melibatkannya.

TEMA 2 – KEPENTINGAN IMLAK UNTUK KEMAHIRAN MENULIS DAN MEMBACA (MENGENAL, MENINGAT, MENULIS)

Berikut diberikan 10 perkataan yang guru berikan untuk imlak pada kelas ini:

1 زَكَرَ 2 زَرَعَ 3 لَزِمَ 4 نَزَلَ 5 زُرُوعُ
6 يُولِجُ 7 يَتِمُّ 8 يَجِبُ 9 يُولِدُ 10 بَيَانُ

SUB-TEMA 1 – MEMBANTU KEMAHIRAN MENULIS (BERSAMBUNG DAN TIDAK BERSAMBUNG)

Keupayaan IFTaR membantu dalam penulisan dapat dilihat daripada berikut:

Setelah selesai murid diminta menulis jawapan mereka di nombor yang sesuai pada 3 lajur di papan tulis. Ada murid yang cepat-cepat ke papan tulis sementara ada dua tiga orang masih duduk di meja mereka. Ada yang tulis tak sambung, ada yang tambah dengan sambungan di sebelahnya dan ada yang tulis sambung terus. Setelah menulis mereka kembali ke tempat duduk.

SUB-TEMA 2 – MEMBANTU KEMAHIRAN MEMBACA DAN BERCAKAP

Bantuan dari sudut kemahiran mengeja, membaca dan bertutur pula dapat disaksikan daripada proses memeriksa hasil imlak mereka seperti berikut:

Setelah semua siap, murid-murid duduk semula di meja masing-masing dan guru maju ke papan tulis untuk menandakan kesahihan jawapan murid. Beliau meminta murid bertukar buku dengan murid di sebelahnya. “Ok ok. Tukar. Tukar [buku dgn kawan sebelah]”. Setelah semua murid bersedia, guru memeriksa jawapan untuk perkataan pertama, yang ditulis begini: 1 زَكَرَ

Guru berkata, “Betul. Siapa dapat betul?” Kelihatan ada beberapa tangan diangkat ke atas.

Kemudian guru melihat soalan kedua dan bertanya: “No 2 زَرَ عَ Betul ni? Betul.”

“Ok no 3. لَزِمَ.” La zi mun ke la ri mu? Ini zal

ke ro?” [tunjuk huruf tengah). Murid menjawab, “ro”.

Guru tanya lagi, “huruf-huruf ini boleh sambung tak?”

Kemudian guru tulis sebelah perkataan itu bersambung:

مَزَلْ = مَزَلْ

“Ok no 4 naa zi lun لَزِنْ betul. Ada baris tak? Boleh sambung tak?”

Murid menjawab: “Baris bawah. Boleh”

“No 5, Siapa buat no 5?”, soal guru. Seorang murid mengangkat tangannya. Guru berkata, “Ini زَعْ اُ ضَ salah. Kita kata yang panjang ruu. عَ وُ رُ ضَ begini.”

“Ok boleh sambung mana-mana tak?” Beberapa murid menjawab boleh, dan ada pula tidak boleh. Guru ketawa, “He he. Ini tak boleh sambung mana-mana huruf.”

“Ok no 6. Apa dia perkataannya?” soal Guru. Murid jawab secara chorus, “yu li ju”.

Kenapa ada ja ni? اَجَلْ اِيْ salah. yu panjangkan?”

“Begini جَلْ وِيْ yang betul.” Kemudian guru menegaskan, “Betul ada huruf ya, lam dan jim. Tak ada alif. Itu yuu a li jaa.”

Beberapa sub-tema bersangkutan dengan interaksi guru dan murid yang membantu PdP juga diperolehi daripada pemerhatian pelajaran imlak.

SUB-TEMA 3 – KAEDAH MENGAJAR BERASASKAN PERTANYAAN DAN DIALOG

Sub-tema ketiga, guru banyak bertanya ketika menyemak jawapan murid dalam imlak. Dia menyemak ejaan bertulis murid dan bertanya sama ada jawapan itu betul atau salah, bukan sahaja huruf, tetapi juga antara vowel pendek dan panjang dan huruf mad. Sekiranya salah guru membimbing murid kepada ejaan yang betul. Guru juga bertanya sama ada huruf-huruf dalam sesuatu perkataan itu boleh disambung.

SUB-TEMA 4 – MEMBERI MURID KEBEBASAN CARA MENULIS JAWAPAN

Sub-tema keempat, guru memberi murid kebebasan untuk menulis jawapan dengan sukukata berasingan atau berangkai. Penulisan berangkai adalah lebih tinggi daripada penulisan sukukata berasingan. Untuk ini dalam tema keempat, guru memberi latihan menulis perkataan dengan huruf berangkai. Latihan ini amat penting sebab ia menguji kemahiran mendengar dan juga penulisan.

SUB-TEMA 5 – MEMBERI MAKLUMBALAS YANG CEPAT KEPADA MURID

Daripada pemerhatian kelas ini di mana guru menjelaskan

jawapan yang tepat melalui proses dialog soalan dan jawapan kemudian disusuli pembaikan bagi kesilapan-kesilapan yang dilakukan, ini amat membantu murid. Hal ini juga membantu mereka untuk mengelakkannya pada kelas akan datang

TEMA 3 – RESPONS MURID TERHADAP KELAS IMLAK

SUB-TEMA 1 – AKTIF SEMASA MENULIS JAWAPAN

Sub-tema pertama adalah murid didapati aktif semasa menulis jawapan *imlak* dalam buku tulis dan kemudian di papan tulis. Ini terbukti daripada kecergasan murid-murid dalam kelas IFtAr seperti bagaimana mereka berebut-rebut untuk menulis jawapan mereka di papan tulis. Mereka juga sering meminta guru mengulang sebutan perkataan yang diberi dan juga perkataan sebelumnya. Mereka juga memberi perhatian kerana ingin menjawab pertanyaan guru.

SUB-TEMA 2 – KESERONOKAN PEMBELAJARAN

Sub-tema kedua untuk murid adalah keseronokan pembelajaran. Ini dapat dilihat dari keseronokan dapat menulis di papan tulis dan melihat sendiri hasil tulisan mereka. Mereka juga seronok kerana mendapat maklum balas yang serta merta dari segi pendengaran dan tulisan daripada *imlak*. Mereka belajar mendengar dengan teliti perkataan untuk *imlak* dan belajar menulis jawapan mereka mula-mula berasingan dan kemudian berangkai. Mereka juga seronok sebab dapat menanda buku rakan-rakan dan membandingkan hasil tulisan mereka dengan rakan mereka.

PERBINCANGAN

Pada keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa murid amat gemar sesi *imlak* sebab naluri mereka suka bersaing dan melihat kemajuan masing-masing sebab *imlak* terus ditanda dengan guru menulis jawapan di papan tulis. Penyelidikan ini menunjukkan bahawa kaedah IFtAr bagi membaca al-Qur'an telah berusaha menepati teori ilmu (Zhou & Brown, 2017) dan juga prinsip pedagogi yang berkesan (Ab Halim et al., 2006; Husbands & Pearce, 2012). Kelemahan kaedah terdahulu dari sudut pedagogi (Abdul Hafiz & Nor Hidayah, 2010) telah ditangani oleh penyelidik. Kaedah IFtAr menekankan kemahiran menulis melalui tulis huruf dan perkataan dan juga kemahiran pendengaran melalui latihan *imlak*, menggunakan prinsip saintifik iaitu warnakan huruf yang

diperkenalkan, kelabukan huruf dan perkataan untuk menyalin tulisan, cantum dan pisahkan huruf, dan gambar bagi makna perkataan Arab mudah. Ini sejajar dengan teori pembelajaran sosial Bandura (1986) bagi tujuan tumpuan, pengekal, reproduksi dan motivasi.

Hasil daripada pemerhatian kelas IFtAr menunjukkan bahawa ia adalah satu kaedah PdP yang berpusatkan murid dan guru, di mana kedua-duanya adalah aktif dan ia juga melibatkan soalan inkuiri, dialog dan jawapan. Dari segi pengajaran pelajaran baharu, kita dapati guru mempamerkan banyak kemahiran yang menghidupkan suasana PdP seperti banyak pertanyaan untuk membuat murid berfikir hingga ke aras tinggi, membezakan huruf dan bunyi, memberi pelajaran yang bermakna dengan mengetahui makna beberapa perkataan yang dieja atau dibaca, menarik perhatian kepada perubahan huruf kerana kedudukan, meminta murid mencari kesalahan terutama semasa *imlak*, mempunyai daya kreativiti yang merangsang, memberi peluang kepada semua murid untuk terlibat secara individu mahupun secara kumpulan, memberi perhatian kepada murid lemah dan memastikan semua murid telah dapat menguasai pelajaran waktu itu sebelum mereka diajar yang baharu. Dari segi *imlak*, guru memilih perkataan yang merangkumi huruf-huruf yang telah dipelajari sebelum ini. Guru juga banyak bertanya untuk menyemak ejaan dan menilai murid secara tersirat, dan membimbing mereka yang bermasalah. Beliau juga memberi tumpuan kepada bagaimana huruf dapat disambung dan memberi peluang kepada menulis perkataan secara berasingan atau berangkai.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, artikel ini telah menjelaskan bagaimana Kaedah Iqra' Fast Track (IFtAr) dengan buku teksnya lebih mudah dari sudut pedagogi dan bagaimana ia diperkayakan berdasarkan teori pembelajaran, ilmu pedagogi, dan pemikiran saintifik. Kajian pemulihan murid Tahun Enam yang tidak boleh membaca al-Qur'an menerusi kaedah IFtAr telah membuahkan hasil yang positif dalam masa yang singkat.

Secara objektif, kaedah IFtAr kelihatan lebih tersusun dan lebih memudahkan dari segi organisasi dengan memperkenalkan huruf yang mudah disebut seperti ل, ك, ت, ب, م, lebih dahulu daripada yang sukar disebut seperti غ, خ, ض, ظ, ه. Tapi yang paling penting, kaedah IFtAr mengambilkira perkara yang boleh memudahkan ingatan dan kefahaman murid kepada amalan dan bukan banyak kepada memori. Terdapat juga unsur menyeronokkan seperti melagukan selepas belajar mad, persaingan semasa *imlak* dan berbagai-bagai lagi teknik pengajaran.

Kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti bilangan murid yang tidak ramai yang mungkin lebih memudahkan pengajaran dan perhatian kepada individu. Ia juga diajar oleh penyelidik sendiri walaupun pada peringkat awalnya guru telah diberi taklimat tentang IFTaR tetapi mereka terpaksa memberi tumpuan kepada program pasca UPSR yang lain. Mungkin penyelidik lebih mahir dan faham teori IFTaR sehingga boleh mengajar dengan berkesan. Bagaimana pun dari segi penyelidikan, penyelidik telah berusaha untuk bersifat objektif dan *natural* dengan mengelakkan sebarang kecondongan yang tidak adil. Pada hemat penyelidik kita mungkin mempunyai guru yang mahir mengajar tetapi tanpa kaedah yang baik, kejayaan juga akan sukar dicapai. Justeru kedua-dua unsur guru dan kaedah amatlah penting untuk IFTaR. Kajian ini boleh dilaksanakan oleh sebarang guru atau penyelidik lain kerana buku boleh diperolehi tetapi guru perlu juga latihan tambahan selain pedoman yang terdapat dalam buku. Kajian kuantitatif berbentuk eksperimen untuk mengetahui keberkesanan kaedah IFTaR berbanding kaedah-kaedah lain seperti Baghdadiyah dan Iqra tidak dapat dilaksanakan kerana tidak mendapat akses kepada pelajar sewaktu keadaan pandemik.

Akhirnya, IFTaR tidak menekankan *tajwīd* pada peringkat permulaan. Penemu IFTaR berpendapat penguasaan *tajwīd* adalah satu proses yang panjang. Justeru lebih baik ia diajar ketika murid sedang membaca al-Qur'an dan dijelaskan kepada mereka pada ketika mereka bertemu dengan situasinya sepertimana cara tradisional. Tambahan dalam era yang canggih teknologi ini, kita sudah ada kitab al-Qur'an berbentuk fizikal dan berbentuk app seperti Muslim Pro, Greentech App, al-Muqri dan al-Tanzil di mana *tajwīd* diwarnakan dan qari disediakan untuk kita dengar bacaan yang betul. Maknanya ada banyak panduan untuk membantu murid dalam *tajwīd* selain daripada pembelajaran di bilik darjah atau dengan guru kelas. Beberapa kajian (cth. Zabedah & Irfan, 2014; Norizan, Marina, Suzana & Noor Atiqah, 2012) telah menunjukkan keberkesanan multimedia dalam membantu murid menguasai *tajwīd*.

Justeru kita boleh rumuskan bahawa kaedah IFTaR mempunyai potensi membantu pemulihan murid sekolah rendah. Bahkan ia juga disarankan untuk digunakan khususnya dengan murid Tahun Satu supaya masa untuk belajar mengaji al-Qur'an dapat disingkatkan dan masa yang selebihnya dimanfaatkan untuk *Tajwīd* Asas dan Bahasa Arab dalam kontek al-Qur'an supaya mereka boleh memahami mesej al-Qur'an untuk dijadikan pedoman hidup. Akhirnya kita sarankan supaya kajian kuantitatif berbentuk eksperimen membandingkan beberapa kaedah yang disebut dalam artikel ini dijalankan bagi murid Tahun Satu apabila keadaan mengizinkan.

PENGHARGAAN

Kajian ini disokong dan ditaja oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental Bagi Penyelidik Baharu (FRGS-RACER), RACER/1/2019/SSI09/UIAM//2.

RUJUKAN

- Abdul Halim, T., Khadijah, A. R., Shahrin, A., Kamarulzaman, A. G., Mohd Aderi, C. N. (2006). Kajian Amalan Pengajaran Pendidikan Islam di Sekolah Rendah dan menengah. *Prosiding Seminar IRPA RMK-8, Kategori ERK2006, Jilid 11*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Hafiz, Abdullah dan Nor Hidayah Hamsur (2010). *Metode Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P) Kelas Pengajian Al-Qur'an Di Kalangan Saudara Baru Di Bawah Kelolaan JAJ*. Tidak diterbitkan. <http://eprints.utm.my/id/eprint/10732/>
- Abdullah, Abdul Kadir. (1970). *The Autobiography of Abdullah bin Abdul Kadir (1797-1854)*, annotated translation by A.H. Hill. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- As'ad, Humam. (2012). *Iqra: Cara Cepat Belajar Membaca al-Qur'an Buku 1-6*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Aspers, P. & Corte, U. 2019. What is qualitative in qualitative research. *Qualitative Sociology* 42(2): 139-160.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action: A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice- Hall, Inc.
- Bandura, A. (1971). *Social Learning Theory*. New York: General Learning Press.
- Dachlan, Salim Z. (1993). *Qiraati: Kaedah Praktis Membaca al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Aras Mega Sdn Bhd.
- Denzin, N. K. (1978). *Triangulation: A Case for Methodological Evaluation and Combination*. *Sociological Methods*, 339-357.
- Husbands, Chris & Pearce, Jo (2012). *What makes great pedagogy? Nine claims from research*. Research and Development Network Theme One. Nottingham, UK: National College for School Leadership.
- Imran, K. B. (2010) *Kemahiran Bacaan al-Fatihah Dalam Kalangan Jemaah Masjid: Kajian di Masjid-masjid Daerah Hulu Langat, Selangor*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- JKPPI (Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam) IKIM (2018). *Laporan Kajian Keberkesanan Kurikulum Matapelajaran Pendidikan Islam Bagi Menghadapi Cabaran Masa Kini*. Kuala Lumpur: IKIM
- Jawatankuasa Sukatan Pelajaran dan Kurikulum LEPAI (2017). *Laporan Kajian Penambahbaikan Kurikulum*

- Kelas Agama Dan Fardhu 'Ain (KAFA), Kuala Lumpur: Bahagian Kemajuan Islam JAKIM.
- Mohd Aderi Che Noh. (2004). Celik al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu Zon Pudu Kuala Lumpur. Projek Penyelidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh. (2011). Amalan pengajaran tilawah al-Quran: Satu tinjauan terhadap persepsi guru di sekolah menengah harian Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(1), 57-72.
- Mohd Aderi Che Noh, & Rohani Ahmad Tarmizi. (2009). Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 93-109.
- Mohd Yakub @ Zulkifli Haji Mohd Yusoff, & Saidi bin Mohd. (2008). Keupayaan bacaan al-Quran di kalangan pelajar tingkatan empat: Kajian di beberapa buah sekolah menengah terpilih di negeri Terengganu. *Al-Bayan Journal of al-Quran & al-Hadith*, 6, 53-85.
- Nasr, S.H. (1968). *Science and civilization in Islam*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Norizan Mat Diah, Marina Ismail, Suzana Ahamad, & Noor Atiqah Che Juhari. (2012). Interactive multimedia application to teach tajweed for children using scaffolding approach. 2nd International Malaysian Educational Technology Convention (pp. 444-457).
- Rosnani, Hashim & Ismaiel, Hassanein (2018). *Mari Membaca Bahasa Arab*. Kuala Lumpur: IECAS.
- Sarton, G. (1927). *Introduction to the history of science*. Baltimore, MD: Carnegie Institution of Washington. Vol. 1-3.
- Surul Shahbudin, H. & Muhammad Azhar, Z. (2015). Bentuk-bentuk Kesalahan Bacaan al-Qur'an di Sebuah IPTA. *The Online Journal of Islamic Education*. 3:2, 1-10.
- Tracy, S. J. 2020. *Qualitative Research Methods: Collecting Evidence, Crafting Analysis, Communicating Impact*, 2nd ed. Hoboken: Wiley Blackwell.
- Zabedah, A.A & Irfan N. U. (2014). Keberkesanan perisian kursus multimedia pembelajaran tajwīd terhadap kefahaman tajwīd dan bacaan al-Qur'an murid. *The Online Journal of Islamic Education*, Special Issue of ICIEd, 1-10.
- Zhou, Molly and Brown, David. (Eds.) (2017). *Educational Learning Theories* 2d. Ed. Retrieved 22 February 2022 from Education Open Textbooks. 1. <https://oer.galileo.usg.edu/education-textbooks/1>
- Zulkifli, M. Y. & Nur 'Atiyah, S. (2013). Senario Semasa Dan Strategi Pengembangan Pengajian Ilmu Al-Quran. Kertas kerja dibentang pada Seminar Memperkasakan Pengajian al-Qur'an, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. November 2013. DOI: 10.13140/2.1.2507.9040
- Rosnani Hashim
Kulliyyah Pendidikan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur
Tel: 012 302 7164 Faks: 03-64214851
Emel: rhashimmy@yahoo.com
- *Aishah Hanim Abd Karim
Kulliyyah Pendidikan,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
Jalan Gombak, 53100 Kuala Lumpur
Tel: 012 690 0754 Faks: 03-64214851
Emel: aishahanim@iiium.edu.my
- Mohammad Khidir Bin Ngah
Sekolah Kebangsaan Taman Setapak Indah
Setapak, 53100 Kuala Lumpur.
Tel: 013 286 5441
Emel: ngahkadir01@gmail.com
- *Penulis Perhubungan : aishahanim@iiium.edu.my
Dihantar: 11 Januari 2025
Dinilai: 26 Februari 2025
Diterima: 15 Mac 2025
Diterbitkan: 30 Mei 2025